

LATIHAN 2.2

1. Berikut merupakan satu mesej yang ingin dihantar oleh Raymond kepada rakan-rakan kelasnya.

“Perjumpaan di perpustakaan sekolah lepas sekolah. Ulangkaji kriptografi. Bawa nota dan komputer.”

Raymond hendak menghantar mesejnya secara sulit dan bercadang menggunakan Caesar Cipher mengikut penetapan berikut.

Abjad Biasa	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T	U	V	W	X	Y	Z
Abjad Sifer	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T	U	V	W	X	Y	Z	A	B	C	D

(a) Berdasarkan penetapan di atas,

(i) Nyatakan kunci penyulitan yang akan digunakan oleh Raymond.

(ii) Sulitkan mesej Raymond di atas.

(b) Kata kunci = 5

Penyulitan

Abjad Biasa	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T	U	V	W	X	Y	Z
Abjad Sifer																										

i. SIAPA KETUA KELAS AWAK?

ii. CANTIK BAJU AWAK HARI INI.

(c) Kata kunci = ZOMBI

Abjad Biasa	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T	U	V	W	X	Y	Z
Abjad Sifer																										

Nyahsulit :

i. HZJNT EST RZKCZS NZKZR

ii. ZEKZ RTGZ VZQKZ DEFZT
